

07 OCT 1996

TUJUH HILANG KELAYAKAN BERTANDING PADA PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Enam calon hilang kelayakan untuk bertanding bagi jawatan dalam Majlis Tertinggi Umno manakala seorang lagi bagi jawatan Exco Pemuda pada perhimpunan agung parti itu minggu ini, demikian Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan hari ini.

Mereka yang hilang kelayakan untuk bertanding bagi jawatan Majlis Tertinggi ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar, Anggota Parlimen Shah Alam Datuk Salamon Salamat manakala yang empat lagi ialah anggota exco kerajaan negeri.

Mereka ialah Datuk Mohd Aini Taib (Selangor), Datuk Dr Latif Mirasa (Pulau Pinang), Datuk Dr Abdul Malek Hanapiah (Perak) dan Adam Abdul Hamid (Johor).

Calon untuk jawatan Exco Pemuda yang tidak akan dibenarkan bertanding ialah Ayub Mat Aris (Selangor).

Keputusan dibuat oleh jawatankuasa khas pemilihan Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

-- BERNAMA
AH NMO